

03/07/2001

Kempen I-Quest dapat sambutan menggalakkan

KEMPEN I-Quest, anjuran oleh I-Bhd dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, mendapat sambutan hangat dari kalangan umum dengan memperolehi beratus-ratus penyertaan sehingga kini.

Kementerian itu, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam berkata, kempen berkenaan akan diadakan dalam dua pusingan.

Setiap pusingan berlangsung selama enam bulan dan enam peserta akan dipilih untuk peringkat akhir.

Menterinya, Datuk Law Hieng Ding, yang berpuas hati dengan kempen I-Quest mengingatkan mereka yang berminat menyertainya supaya menghantar rekaan secepat mungkin. Tarikh tutup pusingan pertama ialah pada 31 Ogos ini.

Kempen I-Quest yang bermula Mac lalu, diadakan bagi mencari rakyat Malaysia yang memiliki daya fikir dan berupaya mencetuskan konsep rekaan produk Rumah Pintar paling inovatif serta kreatif.

Seramai 12 peserta yang layak ke peringkat akhir akan memenangi set komputer dengan pemenang pertamanya akan memperolehi Anugerah Platinum iaitu biasiswa RM100,000 untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang komunikasi maklumat. Pemenang kedua dan ketiga masing-masing akan menerima Anugerah Emas dan Perak.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat tapak pameran I-Quest di Pameran Jubli Perak anjuran Kementerian Sains, teknologi dan Alam Sekitar sempena ulang tahun ke-25nya.

Di pameran itu, Dr Mahathir disambut beberapa petugas yang memakai topeng dua tokoh sains terkemuka, Albert Einstein dan Sir Isaac Newton, sebagai simbolik mengiktiraf Perdana Menteri yang turut disifatkan I-Quest sebagai seorang cendekiawan yang dikagumi.

(END)